

# ZHULIAN SCOPE

JULAI-SEPTEMBER 2021

Untuk Pengedar **ZHULIAN** Sahaja

PP 13742/12/2012 (031428)

**KOLEKSI WINA PUTRI**  
**INSPIRASI DESAIN TREN TERKINI**  
**NAMUN PENGHASILAN BERSENI DAN TELITI**  
**MENYERLAHKAN KEUNIKAN TERSENDIRI**  
**BARANGAN KEMAS FESYEN ZHULIAN**





## *Koleksi Wina Putri*

m/s 29

# KANDUNGAN

## UTUSAN PENGURUSAN

3 Kejar Kebahagiaan Sendiri!

## GERBANG CEMERLANG

4 RCM-DSM

22 SSM - SE

## JANA MINDA

26 Bagaimana Menukar Tidak ke Ya

## HIAS & RIAS

29 Koleksi Wina Putri -  
Barangan Kemas Saduran Fesyen **ZHULIAN**

**Produk  
Baru!**

## SIHAT & SEJAHTERA

30 Menyasarkan Keperluan Spesifik Tubuh Anda  
dengan GreenLex

32 Kekalkan Kebersihan Tangan Dengan PurelyZ

33 Pilihan Minuman Penyuntik Tenaga dan  
Semangat dengan Kopi Pracampur  
**ZHULIAN**

## MENAWAN & TERTAWAN

34 Alami Perbezaan di dalam Penampilan dan  
Kesihatan Anda bersama Collagen 2 &  
IsoF<sup>rm</sup>

## KEDIAMAN IDAMAN

35 Miliki Dapur Yang Teratur, Kemas Tersusun  
dengan SmartSeal

**Produk  
Baru!**



## KEJAR KEBAHAGIAAN SENDIRI!

*"Happiness is not the absence of problems, it's the ability to deal with them."*

- Steve Maraboli



ZHULIAN Malaysia



zhulianmalaysia



ZHULIAN Malaysia



www.zhulian.com.my



My Zhulian

Scan & Download Now !



TALIAN KHIDMAT PELANGGAN  
客户服务热线 CUSTOMER SERVICE HOTLINE

604-6162039 Emel / 电邮 / Email : chat2039@zhulian.com.my

ZHULIAN SCOPE is a magazine published and distributed by: ZHULIAN MARKETING (M) SDN BHD for ZHULIAN distributors only.

All copyright reserved. The reuse of any articles in this magazine is permitted only upon the written consent from:

ZHULIAN MARKETING (M) SDN.BHD. 198901008756 (186058-T)  
Plot 41, Bayan Lepas Industrial Estate,  
Phase IV, 11900 Penang, Malaysia.  
Direct Sales Licence No.: AJL 93195



Printed by:  
ZHULIAN PRINTING INDUSTRIES SDN. BHD.  
199101006478 (216788-X)  
Plot 42, Bayan Lepas Industrial Estate, Phase IV,  
11900 Penang, Malaysia.

Sebagai manusia biasa, ada masanya kita rasa tidak bahagia. Kita fikir mana mungkin kebahagiaan menjadi milik kita tatkala pelbagai masalah menghimpit segenap sudut kehidupan. Ancaman kesihatan yang menyerang dunia; masalah kesempitan kewangan; kerjaya yang tidak lagi memberi kepuasan dan hasil yang setimpal; hubungan sesama ahli keluarga atau rakan sekerja yang tidak lagi sehaluan, dll. Sebenarnya setiap di antara kita mempunyai masalah. Malahan para Pemimpin **ZHULIAN** yang kita lihat sentiasa mengukir senyuman di wajah dan sungguh berjaya di dalam kehidupan dan kerjaya turut dibelenggu masalah. Jelas sekali keupayaan mereka merungkai permasalahan telah menempatkan mereka di mana mereka berada hari ini.

Ada pelbagai cara untuk mengejar kebahagiaan biarpun di saat dunia terasa bagaikan terhenti. Oleh itu, janganlah terlalu memikirkan kesalahan tetapi fokuskan kepada mencari penyelesaian terbaik yang harus dilakukan seterusnya demi manfaat dan ketenangan jiwa. Belajarlah melihat sisi positif setiap permasalahan. Tingkatkan usaha dan masa untuk memastikan anda terus mara dan memperolehi jawapan bagi permasalahan anda. Cari kekuatan di sebalik kelemahan, cari peluang di sebalik masalah, cari penyelesaian demi kebahagiaan...

Demikian juga mencari kebahagiaan di **ZHULIAN**. Dengan pelan pemasaran yang adil, praktikal dan boleh dijayakan; dengan tersedianya rangkaian produk yang pelbagai dan menepati keperluan semasa; dengan latihan dan panduan bermanfaat daripada Syarikat, Agensi mahupun para Pemimpin, anda semua memiliki peluang yang saksama untuk mencipta kebahagiaan sendiri. Ketika anda terasa tertekan dengan pelbagai ujian, para Pemimpin masih lagi tersenyum, masih mampu mencipta kejayaan demi kejayaan...oleh itu, yakinlah bahawa penyelesaian dan pertolongan itu pasti ada kerana di **ZHULIAN**, anda tidak pernah berseorangan. Dekati sahabat dan rakan Pemimpin anda, ajukan soalan demi soalan, pohon bimbingan daripada mereka, kongsi permasalahan anda, nescaya mereka akan sentiasa sudi membantu. Kita dapat bersama-sama mencari kebahagiaan. Sesungguhnya kehidupan harus diteruskan walau apa jua cabaran yang hadir. Dalam situasi semasa hari ini, apa yang harus anda lakukan adalah rangkul perubahan sebaik mungkin dan ambillah yang terbaik dari apa jua yang mendatang kerana sesungguhnya anda bertanggungjawab ke atas kebahagiaan anda sendiri! Kekal positif, terus berusaha, kebahagiaan pasti menanti!



**"KRITIKAN ORANG LAIN BUKAN MEMBUATKAN KITA LEMAH. SEBALIKNYA MENJADI PENDORONG UNTUK KITA LEBIH KUAT UNTUK MEMBUKTIKAN YANG KITA BOLEH! YANG PENTING, SENTIASA D.U.I.T. (DOA, USAHA, IKHTIAR DAN TAWAKAL)."**

Bismillahirrahmanirrahim. Alhamdulillah. Setinggi-tinggi syukur dipanjatkan ke hadrat Illahi kerana dengan izinNya pangkat RCM digenggam nyata. Sesungguhnya perjalanan dalam Dunia **ZHULIAN** selama 17 tahun amat memerlukan kesabaran dan matlamat yang jitu kerana dugaan dan rintangan silih berganti. Alhamdulillah, kejayaan hari ini menjadi saksi kegigihan yang tak pernah padam serta keyakinan terhadap Syarikat **ZHULIAN**. Terima kasih diucapkan buat suami tercinta, Abdul Razak Bin Omar, ibu bapa dan ahli keluarga, upline DSM Seah Boon Chin, RCD Wan Su Bt Jafar dan anak rangkaian yang banyak memberi sokongan dan pengalaman terindah. Kejayaan tanpa usaha itu umpama mimpi yang tak akan menjadi realiti. Tidak kira siapa kita di masa silam, pena dan kertas di tangan untuk kita melakar gemilang pada masa akan datang. Peluang cerah dalam MLM **ZHULIAN** sentiasa terbentang bagi sesiapa yang mahu mengubah nasib diri. Yakinkanlah dengan diri dan sentiasa memohon redha Illahi agar setiap tindakan dan usaha kita tidak sia-sia. InsyaAllah.





## CDM ROSLINA BT HJ SAMAT

28-0000994546

Pekerjaan : TIMBALAN PENGURUS BESAR (PENTADBIRAN)  
TH PLANTATIONS BERHAD  
Penaja : DSM ROSNI BT KASSIM  
28-0000570150

**“JANGAN DIBANDINGKAN KEJAYAAN DIRI SENDIRI DENGAN ORANG LAIN, TETAPI BANDINGKAN KEJAYAAN DIRI SENDIRI DAHULU DENGAN SEKARANG. BARULAH KITA TAHU ADAKAH KITA BERADA DI LANDASAN YANG BENAR.”**

Laluan hidup pada setiap individu adalah berbeza antara satu sama lain. Banyak cerita suka duka ditempuhi. Tidak ketinggalan juga saya sebagai hamba Allah yang telah melalui usia 54 tahun, juga punya cerita di sebaliknya. **ZHULIAN** adalah salah satu episod dalam hidup yang tidak pernah saya impikan sebelum ini. Pernah punya jawatan tinggi di syarikat GLC dan berkhidmat puluhan tahun dengan penuh komitmen dan menyerahkan seluruh masa dan tenaga kepada syarikat. Dalam kesibukan harian, terselit rasa untuk bebas dari dunia korporat. Walau bagaimanapun, bila dihidangkan peluang, ianya tidak diambil serius pada peringkat permulaannya dan hanya menjadi pengguna untuk sekian lama. Namun begitu ilmu berbisnes saya pelajari sedikit demi sedikit, minat dipupuk dan bakat serta potensi diri digilap oleh Pemimpin senior seperti RCD Tuan Shikh Ibrahim Bin Shikh A. Hanam dan Puan Sharifah Abdullah. Kesetiaan, keprihatinan dan sikap mementingkan jalinan silaturrahim di kalangan Pemimpin **ZHULIAN** membuatkan saya terus-terusan berada dalam Pesada **ZHULIAN** meskipun pernah berkali-kali jatuh, dan berkali-kali putus asa, tetapi saya kembali bangkit semula apabila Pemimpin-pemimpin senior seperti RCD Tuan Shikh Ibrahim dan DSM Rosni Bt Kassim memanjangkan semula jalinan dan percaya bahawa saya punya kemampuan untuk berjaya.

Saya bersyukur diberi kesempatan untuk berada dalam Dunia Perniagaan Keemasan **ZHULIAN** meskipun kejayaan yang diraih tidak setangkas angin, tidak juga drastik menggila, perlahan namun destinasiya tetap ditemui. Paling kurang apa yang boleh dilihat adalah kejayaan diri. Saya berpegang pada perinsip kalau kita tolong orang, Allah akan tolong kita. Jadi, terus-terusan membantu orang sekeliling kita dalam apa juga aspek, nescaya Allah akan bantu luaskan rezeki kita. Di kesempatan ini, saya merakamkan ribuan terima kasih atas sokongan yang tidak berbelah bahagi dari mula hingga ke hari ini kepada suami tercinta, En. Zainal Abidin Ahmad Hanif. Sekalung penghargaan kepada ayahanda RCD Tuan Shikh Ibrahim dan isterinya kerana tidak jemu-jemu mempercayai kebolehan diri yang kerdil ini. Dan tidak lupa juga kepada upline yang tersayang, DSM Rosni kerana melahirkan saya dalam Persada **ZHULIAN**. Terima kasih semua.





## CDM RAHIMAH BT MOHD

28-0002774324

Pekerjaan : PEGAWAI BANK  
 Penaja : DSM ZAIRANI BT SULAIMAN  
 28-0002054582

### “ZHULIAN MENGAJAR ERTI KESABARAN DAN KEBERANIAN. ZHULIAN MENDIDIK KEBANGKITAN DARI KEJATUHAN, KESELESAAN DARI KEPERITAN.”

Assalamualaikum dan Salam Ceria Satu **ZHULIAN** buat Usahawan **ZHULIAN** yang baru, juga yang terdahulu. Ribuan terima kasih kepada Penaja saya, Puan Wan Hamizah serta suami En Aziz. Tanpa mereka, saya tak kenal apa itu **ZHULIAN**. Begitu juga kepada Pemimpin saya, DSM Zairani Bt Sulaiman dan juga RCD Tuan Shikh Ibrahim Bin Shikh A. Hanam yang banyak membimbing dan membantu saya. Tonggak kekuatan saya ketika ini, suami saya, SM Sahri Bin Rawi dan juga anak saya SSM Nurul Ashikin Binti Sahri. Saya peminat barang kemas saduran **ZHULIAN** dan tanpa disedari, saya mula ke arah Usahawan **ZHULIAN**. Pada awalnya saya mengikuti kelas di **ZHULIAN** Agensi Bandar Tun Razak dengan jarak berulang-alik bersama suami setiap minggu sejauh 180 km. Namun, tiada alasan dalam kita mengejar kejayaan. Seterusnya Alhamdulillah saya diberi rezeki memiliki **ZHULIAN** Agensi Rawang. Sekaligus saya menggalas tugas sebagai seorang pegawai bank, isteri, ibu, Pengurus Agensi dan Usahawan **ZHULIAN**. Tempoh 11 tahun bersama **ZHULIAN**, saya telah menikmati kehidupan sebenar bersama keluarga. Melancong bersama anak dan suami ke luar negara hampir setiap tahun menggunakan bonus **ZHULIAN** dan bercuti ke luar negara bersama suami melalui Tabung Pelancongan **ZHULIAN** adalah terlalu indah dan sukar diperkatakan. Terima kasih **ZHULIAN**.

Kini saya berani mencipta impian, menempuh halangan, menggalas kepimpinan serta berkorban masa, wang dan keselesaan demi menggapai kejayaan. Untuk berjaya, jangan takut berimpian. Jangan mengalah dan mengeluh, terus tetapkan matlamat setelah berimpian. Dalam norma baharu, perniagaan 'online' menjadi titian kejayaan. Biar orang mencemuh atau mencebek apabila kita 'online' dan 'live' di media sosial. Saya saksikan pelbagai kejayaan dalam perniagaan 'online' selain dapat membimbing anak rangkaian menjana pendapatan yang besar tanpa disangka. Di kesempatan ini saya ucapkan ribuan terima kasih kepada En. Nelson Cheah, Pengurus Pemasaran; Pegawai Pemasaran **ZHULIAN**; RCD Miss Voon, Guru Online; para Usahawan **ZHULIAN** dalam Group KOL serta para Pemimpin di **ZHULIAN** Agensi Rawang kerana sentiasa mendorong saya hingga ke tahap CDM. Akhir kata, ungkapan 'BUAT DAPAT' yang telah sebatikan dalam diri pasti merealisasikan perjuangan saya bersama warga **ZHULIAN** Agensi Rawang bagi mencipta kejayaan demi kejayaan.





## CDM MARAHIDA BT MAT DAUD

28-0003932794

Pekerjaan : GURU  
 Penaja : RCD NOR IRDAWANI BT CHE RAZALI  
 28-0002285158

**“IF YOU BORN POOR IT IS NOT YOUR MISTAKE, BUT IF YOU DIE POOR IT IS YOUR MISTAKE.”**

Bismillahirrahmanirrahim, Assalamualaikum W.B.T. Dipanjatkan ungkapan rasa kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T. di atas kurniaan rezeki kenaikan pangkat CDM ini. Setulus rasa sayang buat upline, RCD Nor Irdawani Bt Che Razali kerana tekad dan tunjuk ajar dalam menggapai kejayaan ini. Salam sayang dirakamkan buat semua networks, teman Usahawan di bawah naungan **ZHULIAN** Agensi Setiu (STA) kerana anda sentiasa ada dalam mengharungi pahit getir ujian, jatuh bangun bersama demi melakar kenangan manis kita. Jasa kalian hanya Allah S.W.T. yang mampu membalasnya. Saya turut berterima kasih buat ibunda, Rahmah Mohamed Ghazali yang selama ini menjadi tulang belakang perjuangan. Buat anak-anak syurga 'Afif, Auni, 'Atif dan 'Akif, terima kasih sayang kerana sentiasa memahami kesibukan umi. Titipan doa kalian, kata-kata semangat selalu mengiringi dan menjadi tolakan, pendorong yang amat bermakna buat umi.



Kita hanya merancang, Allah Yang Maha Menentukan. Penglibatan saya di dalam Dunia Keemasan Syarikat **ZHULIAN** ini bermula dengan perkenalan kepada Vitamin C untuk dijadikan sebagai suplemen buat anak-anak. Namun takdirNya telah menemukan saya dengan RCD Nor Irdawani (pemilik **ZHULIAN** Agensi Setiu). Beliau adalah pembuka jalan, memberi tunjuk ajar hingga saya terus melakukan bisnes ini tanpa jemu. Sejak bersama **ZHULIAN**, banyak merubah hidup saya sekeluarga. Dari insan biasa-biasa hingga merubah saya 360° menjadi luar biasa. Menuntut semaksimumnya komitmen masa dan masih berjawatan guru, saya melakukan perniagaan **ZHULIAN** secara *part-time*, malah keseronokan bersama **ZHULIAN** itu bercambah hari demi hari. Merasai sendiri melancong ke luar negara, lebih 10 buah negara telah saya jelajahi bersama **ZHULIAN**; merasai pendapatan 5 angka; merasai memiliki kereta mewah, Alhamdulillah semuanya bersama **ZHULIAN**. Setiap yang kita lalukan pasti membuahkan hasil asal sahaja kita mahu BERTINDAK. Sebesar manapun impian, yakin dan percaya ia menuntut sebuah pengorbanan. Semakin besar impian itu, maka semakin besar pengorbanan, tanggungjawab yang harus digalas. Dengan usaha keras, keyakinan yang padu, Allah S.W.T. sentiasa bersama dalam setiap langkah perjuangan. Terima kasih **ZHULIAN** – Go, Go, Go **ZHULIAN**! Jumpa anda di puncak kejayaan.





## CDM AIN SHAFIRA ABDULLAH

28-0004283622

Pekerjaan : PEMBANTU PERAWATAN KESIHATAN

Penaja : TIAWA @ SINAH BT KAHAR

28-0004205598

### “TANAMKAN KEAZAMAN YANG TINGGI DAN SENTIASA BERISTIQAMAH DALAM MELAKUKAN TINDAKAN, PASTI KEJAYAAN MILIK KITA.”

Bismillahirrahmanirahim, Alhamdulillah segala puji dan syukur bagi Allah dengan izinNya telah memberi kesihatan kepada saya untuk terus berjuang dalam perniagaan ini. Sebuah perjuangan sememangnya hakikat sebuah perjalanan yang panjang, yang memerlukan keyakinan, rasa cinta yang mendalam dalam apa jua yang dilakukan. Tanamkan keazaman yang tinggi dan sentiasa beristiqaamah dalam melakukan Tindakan, pasti kejayaan milik kita. Benar kata pepatah “KEJAYAAN TIDAK DATANG BERGOLEK”, ia menagih sejuta kegigihan, kecekalan, kesabaran dan pengorbanan di dalam usaha mencapainya, NAMUN TIADA JALAN SINGKAT UNTUK BERJAYA. Menempuh cabaran bersama Syarikat selama hampir 8 tahun dan melakukan secara sambilan, akhirnya berjaya ke pangkat CDM melalui pelan pemasaran terindah **ZHULIAN** dan program-program yang dianjurkan Syarikat khasnya dalam situasi mencabar suasana pandemik COVID-19, di samping berpegang pada prinsip “SIAPA BUAT DIA DAPAT, BUAT BANYAK DAPAT BANYAK, SAMA-SAMA BUAT SAMA-SAMA DAPAT” kerana pelan pemasaran Syarikat **ZHULIAN** sangat adil untuk semua.

Di kesempatan ini saya ingin mengucapkan terima kasih buat upline saya, Cikgu Tiawa yang menemukan saya dengan perniagaan ini. Buat insan-insan yang pernah hadir dan masih bersama dalam perjuangan ini, leader-leader, sideline-sideline dan semua rangkaian dalam team saya, ketahuilah bahawa kalianlah pencetus semangat dalam perjuangan ini dan kalian jua akan saya jayakan bersama dalam perjuangan ini. Buat insan istimewa, imamku, suami tercinta, Ramli Bin Timbang, anak-anak serta keluarga yang menjadi tulang belakang yang sentiasa setia dan menyokong saya dalam perniagaan ini. Semoga Allah pelihara kita semua dan memudahkan laluan kehidupan kita ke arah kejayaan di dunia dan akhirat, insyaAllah. Amiin.





## CDM LISA MUDIANA BT MUDIN

28-0004612124

Pekerjaan : PEREKA GRAFIK  
Penaja : CDM SUHANA BT SAMAT  
28-0000276299

### “MENCAPAI SESUATU KEJAYAAN BUKAN SEMUDAH YANG KITA RANGKA.”

Alhamdulillah dengan izinNya saya berjaya mencapai satu lagi tangga kejayaan di persada **ZHULIAN** iaitu CDM. Terima kasih kepada Syarikat **ZHULIAN** kerana menyediakan pelbagai kemudahan dan produk berkualiti sehingga saya mampu membina pendapatan setiap bulan. Terima kasih buat suami tersayang, SE Mohd Zubir Yaacob serta kedua ibu bapa dan seluruh ahli keluarga yang sentiasa menyokong dan mendoakan saya. Mencapai sesuatu kejayaan bukan semudah yang kita rangka tanpa bantuan dan sokongan dari pelbagai pihak. Terima kasih kepada upline saya iaitu CDM Suhana Bt Samat, CDM Tan Say dan CDM Salina Bt Ibrahim yang sentiasa memberikan suntikan semangat yang luar biasa kepada saya. Juga kepada downline, rakan pelanggan dan semua sahabat **ZHULIAN** yang sentiasa positif dengan perniagaan ini. Terima kasih juga kepada **ZHULIAN** Agensi Sungai Buloh (SSL) serta para pemimpin **ZHULIAN** seluruh Malaysia. Percaya kepada diri sendiri, percaya kepada Syarikat dan yakin dengan pertolongan Allah Maha Pemberi Rezeki. Usaha sehabis daya, disulami dengan doa, InshaAllah kejayaan pasti milik kita.






## CDM SITI ZUHAILA BT MOHD HASSAN

28-0004751802

Pekerjaan : EKSEKUTIF KEWANGAN  
Penaja : SE RAMIZAH BT MOHD HASSAN  
28-0004725168

**“KEKUATAN TIDAK DATANG DARI KEMAMPUAN FIZIKAL TETAPI DATANG DARI SEMANGAT YANG TIDAK PERNAH MENGALAH.”**

Assalamualaikum. Syukur ke hadrat Ilahi, dengan izinNya saya berjaya naik satu lagi tangga kejayaan ke pangkat Crown Diamond Manager. Kenaikan pangkat ini menjadi satu kayu pengukur di mana kepercayaan ahli rangkaian saya terhadap produk **ZHULIAN** semakin meningkat. Menjiwai produk membangkitkan satu kepuasan dalam diri untuk terus menggunakan produk yang sangat hebat kualitinya. Jutaan terima kasih buat RCD Hajjah Salina Bt Selamat, insan yang sangat luar biasa yang sentiasa memberikan ilmu secara langsung dan tidak langsung. Terima kasih juga pada Upline tersayang, RCM Siti Hajar Bt Masiron, seorang yang bercita-cita tinggi, memberi dorongan juga sokongan tanpa jemu. Buat downline-downline saya, teruskan usaha. Kejayaan milik orang yang sentiasa berusaha. Tidak lupa buat suami, menzahirkan kecintaan pada produk yang turut serta dalam mempromosikan produk kepada rakan-rakan. Buat keluarga secara keseluruhannya, terima kasih kerana mempercayai **ZHULIAN**. Akhir kata dari saya, tidak kira betapa buruknya keadaan, kita masih berada di hadapan semua orang yang tidak mencuba. Kekuatan tidak datang dari kemampuan fizikal tetapi datang dari semangat yang tidak pernah mengalah.





## CDM ZANARIAH BT JAMAL

28-0005168789

Pekerjaan : SURI RUMAH  
 Penaja : CDM ELLYNA BT YUSOF  
 28-0005020074

**“SAMA-SAMA KITA TERUSKAN PERJUANGAN DI ZHULIAN MELALUI ONLINE DAN OFFLINE KEPADA MASYARAKAT DAN MENYEDIAKAN PASARAN YANG SUBUR DI MASA HADAPAN.”**

Bismillahirrahmannirahim...Alhamdulillah syukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izinNya dan berkat istiqomah serta sabar akhirnya saya dapat menggenggam pangkat ketiga tertinggi di **ZHULIAN** iaitu Crown Diamond Manager. Pada mulanya join **ZHULIAN** buat kali ketiga hanya menggunakan produk kesihatan buat ibu tersayang yang menghidap penyakit kronik, tetapi tidak sangka ianya dapat memberi keselesaan kepada keluarga, sahabat dan masyarakat. Rezeki Allah yang tentukan...Bersandarkan ilmu tentang produk daripada ibunda tercinta, RCD Hajjah Salina Bt Selamat, akhirnya saya dapat mencapai ke pangkat CDM ini. Sebagai seorang suri rumah sepenuh masa, perniagaan **ZHULIAN** ini banyak merubah kehidupan saya, bukan sahaja dapat sihat tetapi dapat menambah pendapatan bulanan dan juga mengembangkan rangkaian perniagaan saya.

Jutaan terima kasih saya ucapkan kepada upline tersayang, CDM Ellyna Bt Yusof dan *Super Upline* saya, RCM Kholijah Bt Jusoh kerana banyak membimbing saya tanpa jemu sehingga saya mencapai ke tahap ini. Saya lebih yakin meneruskan perjuangan di **ZHULIAN** apabila merasai hasil dari perisian baru yang dikongsi oleh RCD Hajjah Salina Bt Selamat mengenai produk susu ColoSkim dan program diet SiF yang sekarang telah dinaiktaraf ke *Super SiF* selain memperkasakan online yang sedia ada. Tidak lupa buat ibu, suami dan anak-anak tercinta yang sentiasa merestui dan mendoakan kejayaan ini. Syukur Ya Allah! Terima kasih kepada **ZHULIAN** Agensi Shah Alam yang banyak menyokong, membantu tanpa berbelah bagi kepada anak-anak rangkaian saya yang sangat-sangat saya sayangi. Akhir kalam, sama-sama kita teruskan perjuangan di **ZHULIAN** melalui *online* dan *offline* kepada masyarakat dan menyediakan pasaran yang subur di masa hadapan...Innsya Allah.





## DSM HASNAH BT BAKAR

28-0004397736

Pekerjaan : SURI RUMAH

Penaja : CDM AIIN SHAFIRA ABDULLAH

28-0004283622



### "KECEMERLANGAN ADALAH HASIL DARIPADA SIKAP YANG INGIN SENTIASA MELAKUKAN YANG TERBAIK."

Alhamdulillah, dengan izinNya saya berjaya memecah pangkat SSM yang saya pegang selama tempoh enam tahun dan tanpa diduga, dalam suasana pandemik akhirnya saya telah mencapai pangkat DSM. Sebenarnya tempoh sasaran saya untuk mencapai pangkat DSM ini adalah penghujung tahun 2021 tetapi dengan izinNya saya berjaya mencapai pangkat DSM pada waktu yang lebih awal daripada jangkaan. Semua kejayaan bermula dengan percubaan. Jika anda tidak mencuba, pastinya anda tidak akan berjaya. Itulah kata-kata yang membakar semangat saya untuk terus berjuang dalam perniagaan **ZHULIAN** ini. Terima kasih buat pihak Syarikat terutamanya En. Nelson Cheah dan En. George H'ng yang sentiasa memberi sokongan. Tidak lupa juga kepada upline saya, CDM Aiin Shafira Abdullah, guru-guru KOL, anak-anak rangkaian **ZHULIAN** dan rakan-rakan seperjuangan.





## DSM SITI RABIATUL ADAWIYAH BT SHIKH IBRAHIM

28-000440332

Pekerjaan : USAHAWAN ZHULIAN SEPENUH MASA

Penaja : SE SURYANI BT TUMADI

28-0002492358



### "KERJASAMA DAN KESEPAKATAN DALAM MENJALANKAN PERNIAGAAN SANGAT PENTING."

Assalamualaikum dan selamat sejahtera kepada semua. Alhamdulillah sehingga kini Syarikat **ZHULIAN** masih kukuh berdiri walaupun dalam keadaan ekonomi dunia sedang dilanda wabak. Tanpa bimbingan yang padu oleh orang tua tercinta, RCD Tuan Haji Shikh Ibrahim Bin Sheikh A. Hanam dan Puan Hajjah Sharifah Bt Abdullah, sudah pasti saya tidak akan ke mana. Dengan berbekalkan ilmu dan pengalaman daripada mereka, saya menjalankan perniagaan **ZHULIAN** secara konsisten. Alhamdulillah tiada yang mustahil bagi orang yang berkehendak. Sejak tiga tahun lalu, **ZHULIAN** telah menyediakan satu laluan khas bagi anak muda yang ingin mengubah hidup iaitu "PowerGreen". Ianya bertujuan memberi pendedahan dan ilmu yang lebih mendalam tentang konsep perniagaan MLM itu sendiri. Oleh itu saya ingin berterima kasih kepada Team "PowerGreen" **ZHULIAN** yang diketuai oleh En. Nelson Cheah bersama En. Mohd Ezani Bin Abdullah kerana memberi ruang dan peluang untuk saya mencungkil bakat dan keupayaan diri dalam perniagaan ini. Di sebalik kejayaan kecil ini, tentu ada beberapa individu lain yang memainkan peranan yang baik dan positif dalam kehidupan saya. Tidak lain, tidak bukan, mereka adalah ahli keluarga kecil saya, suami tercinta Mohammad Reza Bin Mohd Kamal, anak-anak, adik-beradik dan saudara mara yang mengenali diri saya. Terima kasih yang tidak terhingga, hanya Allah yang mampu membalas jasa kalian. Kerjasama dan kesepakatan dalam menjalankan perniagaan juga sangat penting. Oleh itu saya ingin mengambil kesempatan mengucapkan ribuan terima kasih kepada setiap Agensi hebat yang sudi memberi kerjasama memandangkan perniagaan kita bergerak hampir 80% di atas talian. **ZHULIAN** sedang menuju ke Wawasan 2039. Jika kita diberi usia dan kesihatan yang baik, bermakna kita masih ada 18 tahun untuk mempersiapkan diri dan membina jaringan yang kukuh. Pengalaman itu mendewasakan dan langkah seribu bermula dari satu. Oleh itu, ayuh kita bersama memulakan langkah yang satu itu dan terus bergerak sehingga kita berjaya suatu hari nanti. Akhir kata, saya amat bersyukur bersama Keluarga **ZHULIAN** kerana **ZHULIAN** melengkapi hidup saya. Bagaimana pula dengan anda?





## DSM MOHD HAIRIE BIN ABDULLAH

28-0004659328

Pekerjaan : GURU

Penaja : SSE HAJJAH NAPISAH BT HUSSIN

28-0000935828

**“BERBEKALKAN SEMANGAT JUANG ‘LELAKI JUGA MAMPU JUARA’ SAYA BULATKAN TEKAD DAN AZAM UNTUK MULA MENGORAK LANGKAH DALAM PERNIAGAAN INI.”**

Alhamdulillah, segala puja dan puji ke hadrat Allah S.W.T. maka saya telah sampai dan capai ke pangkat DSM yang telah lama diimpikan. Tanggal 17 Ramadan, Nuzul Quran menjadi tarikh keramat buat diri ini apabila telah berjaya melayakkan diri ke pangkat DSM. Berbekalkan semangat juang “Lelaki Juga Mampu Juara” saya bulatkan tekad dan azam untuk mula mengorak langkah dalam perniagaan ini. Sekalung apresiasi buat SSE Hajjah Napisah Bt Hussin, upline saya yang telah memberi peluang kepada saya untuk bermula bersama-sama Syarikat **ZHULIAN**. Penghargaan juga buat RCM Hajjah Rosnah Bt Haji Ibrahim, seorang Pemimpin serta pemilik **ZHULIAN** Agensi Jasin yang sentiasa memberikan galakan, tunjuk ajar, semangat dan ilmu sehingga saya berjaya seperti hari ini. Terima kasih juga buat ibu, ayah dan adik-beradik yang menyokong perjuangan saya ini. Sekalung budi kepada pihak Syarikat **ZHULIAN** terutama En. Nelson Cheah dan En. Mohd Ezani Bin Abdullah yang telah memberi peluang kepada saya untuk menyertai Ahli Kongres *PowerGreen* **ZHULIAN** Malaysia. Melalui platform Ahli Kongres inilah saya mula membina ilmu dan pengalaman dengan rakan-rakan yang datang dari setiap pelusuk penjuru tanah air. Melalui platform ini, kami dididik serta dibimbing akan semangat **ZHULIAN** Harmoni. Penerimaan tanpa syarat antara kami yang datang daripada latar belakang berbeza menyebabkan kami mampu bangkit seia, sekata, senada sehingga ke hari ini. Terima kasih kepada Mentorku, CDM Salina Bt Ibrahim yang banyak memberikan kata semangat sepanjang tempoh gerak kerja ke pangkat DSM. Saya percaya suatu masa nanti saya mampu meraih ke pangkat RCD dengan membawa pulang pendapatan yang besar melalui Pelan Pemasaran **ZHULIAN** yang terindah.





## DSM SITI RABI'AHT BT CHE RAZALI

28-0004849874

Pekerjaan : KERANI KAUNTER

Penaja : RCM NURUL NAJIHAH BT CHE RAZALI

28-0002428416

### "BENARLAH ORANG KATA, ILMU MAMPU MENGUBAH KEHIDUPAN KITA."

Pertama sekali saya panjatkan kesyukuran kepada Yang Maha Esa, mengizinkan saya mencapai pangkat Diamond Sales Manager, yang mana tidak pernah terlintas di fikiran saya suatu waktu dahulu. Syukur sangat dengan doa arwah ibu dan doa seorang ayah, susunan Allah menjadi lancar untuk saya dalam meraih pencapaian ini. Sekalung penghargaan buat upline, RCM Nurul Najihah Bt Che Razali iaitu adik saya sendiri, insan yang berjasa membawa saya ke dunia perniagaan **ZHULIAN**, yang tak jemu-jemu membimbing dan memberi semangat kepada saya. Terima kasih kepada kakak sulung, RCD Nor Irdawani Bt Che Razali dan adik-beradik Legasi Che Razali kerana saling membantu dan saling memberi semangat kepada saya. Terima kasih juga kepada suami dan anak-anak tercinta yang sentiasa memahami ibu. Tidak lupa ucapan terima kasih buat ibunda RCD Hajjah Salina Bt Selamat. Terlalu banyak ilmu yang telah dicurahkan kepada saya. Benarlah orang kata, ilmu mampu mengubah kehidupan kita. Dan kini saya amat merasainya. Terima kasih kerana sudi menerima saya sebagai murid. Ilmu beliau bukan sekadar ilmu tentang perniagaan tetapi juga tentang kemanusiaan dan kehidupan. Syukur Alhamdulillah...Bagi saya, perjalanan saya dalam **ZHULIAN** baru sahaja bermula dan ianya masih panjang. Justeru, saya sangat memerlukan ilmu, dan insan-insan baik yang sentiasa membantu. Syukur Allah temukan saya dengan jemaah SAC. Harapan saya di masa akan datang agar **ZHULIAN** subur di jiwa kita semua, di pelbagai peringkat usia, dan di situlah nanti kita semua bertanggungjawab merealisasikannya.





## DSM HERLIZA BT JAMJURI

28-0005025903

Pekerjaan : GURU KAFA

Penaja : RCD HAJJAH SUHAILA BT SOID

28-0001311658



### "SEMOGA KITA SAMA-SAMA BERJAYA MENUJU PUNCAK KEJAYAAN DALAM PERNIAGAAN TERINDAH BERSAMA SYARIKAT **ZHULIAN**"

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah S.W.T. dengan izinNya saya dapat merealisasikan hasrat untuk kenaikan pangkat DSM ini. Penghargaan dan ucapan terima kasih ditujukan buat RCD Hajjah Salina Bt Selamat yang sentiasa memberikan kata-kata semangat dan tidak pernah jemu mengajar kami dengan ilmu-ilmu dan pengisian yang beliau telah sediakan, berserta pelan pemasaran terindah Syarikat **ZHULIAN**. Tidak lupa juga kepada Pemilik **ZHULIAN** Agensi Kuala Selangor, RCM Hajjah Saniah Bt Sayuti dan Kak Anizah yang sentiasa melayan dan membimbing kami serta downline yang berada di Kuala Selangor. Terima kasih buat RCD Hajjah Suhaila Bt Soid, upline dikasihi yang tidak pernah jemu memberikan bimbingan dan inspirasi membina jati diri ke arah membina rangkaian yang berkualiti. Tidak lupa juga, ucapan terima kasih kepada sideline dan downline yang dikasihi yang sentiasa bekerja sepasukan dan saling sokong menyokong antara satu sama lain. Akhir kata, semoga kita sama-sama berjaya menuju puncak kejayaan dalam perniagaan terindah bersama Syarikat **ZHULIAN** ini. In Syaa Allah, Aminn...





## DSM HAMIDAH BT MURAD

28-0005051915

Pekerjaan : EKSEKUTIF KANAN SUMBER MANUSIA

Penaja : RCD HAJJAH RUHIZA BT ABDULLAH

28-0000751078



**“DENGAN TEKAD, USAHA TANPA JEMU, YAKIN DAN PASTI AKAN ADA REZEKI KITA BILA SAMPAI MASANYA.”**

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Illahi di atas pencapaian ini. Ia seperti mimpi kerana pada mulanya saya tidak berimpian untuk capai ke pangkat DSM seawal April 2021. Ia bermula apabila kami, Team Ahli Kongres “PowerGreen” dicabar untuk melafazkan bilakah akan ke DSM. Apabila telah melafazkan, saya perlu bertindak pantas, menyusun strategi dan fokus kerana saya mempunyai komitmen yang sangat tinggi terhadap pekerjaan hakiki saya. “Kuasa tolakan” dari luar memberi impak besar kepada saya untuk terus berusaha bersungguh-sungguh bagi merealisasikan impian saya. Dengan tekad, usaha tanpa jemu, yakin dan pasti akan ada rezeki kita bila sampai masanya. Terima kasih kepada insan-insan yang begitu banyak berjasa iaitu suami, En Mohamad Satri Bin Darus, mak (Pn. Rokiah) dan ayah (En. Murad) atas doa yang tidak putus-putus; upline tersayang RCD Hajjah Ruhiza Bt Abdullah yang tidak pernah jemu membimbing, mendidik dan memberi kata-kata semangat; anak-anak rangkaian walau di mana jua anda berada dan seluruh ahli jemaah **ZHULIAN** Agensi Bertam yang sentiasa positif, bersatu dan saling menyokong antara satu sama lain. Terima kasih di atas jasa kalian. Tidak dilupakan kepada Syarikat **ZHULIAN** yang menyediakan platform yang begitu indah ini dan Team “PowerGreen” Malaysia.





## DSM AZILA BT MAT GHANI

28-0005149098

Pekerjaan : GURU

Penaja : CDM NURUL HUSNA BT CHE LONG

28-0004830694



**"USAHA MEMPERBAIKI DIRI ADALAH KEMBARA YANG TIADA BERPENGHUJUNG. SERINGKALI DI PENGHUJUNG SESUATU JALAN ITU AKAN TERBUKA JALAN YANG LEBIH LUAS LAGI."**

Bismillahirrahmannirrahim...Alhamdulillah syukur kepada Allah Ya Bari' atas rezeki kenaikan pangkat DSM serta kurniaan suami yang terindah yang sentiasa berdoa dan menyokong kejayaan isteri tercinta. Seperti dibuai mimpi yang tidak dapat diinterpretasikan, dihadirkan insan-insan kiriman Allah untuk saya meneruskan perniagaan **ZHULIAN** ini. Seawal permulaan menceburi perniagaan ini saya sangat berterima kasih kepada upline saya iaitu CDM Nurul Husna Bt Che Long di atas aura semangat yang diberikan serta bimbingan daripada RCM Nurul Najihah Bt Che Razali yang mana banyak memberi galakkan untuk terus fokus merealisasikan impian setiap downline. Tidak lupa juga jutaan terima kasih saya ucapkan buat insan luar biasa yang telah melengkapkan kejayaan saya dengan ilmu beliau yang realistik, pemudah cara bagi saya iaitu RCD Hajjah Salina Bt Selamat dalam mencapai pangkat DSM ini. Tidak terungkap dengan kata-kata, bahagia dan bertuah rasanya dapat berada dalam keluarga **ZHULIAN** Agensi Shah Alam. Tidak lupa ucapan terima kasih buat downline-downline yang sentiasa ada, saling bekerjasama seperti sebuah keluarga, semoga kejayaan mengiringi kita semua. InsyaAllah, saya semakin nampak matlamat yang saya inginkan dan sentiasa belajar untuk mengembangkan kumpulan saya. Ada rezeki nanti ke arah CDM pula kerana saya yakin bila ada usaha pasti kita akan berjaya.





## DSM MARINI HANAN BT HASSAN

28-0005165178

Pekerjaan : GURU

Penaja : SE SHARIFAH BT AHMAD

28-0005148811



### "TRUST THE PROCESS."

Bismillahirrahmanirrahim. Alhamdulillah syukur nikmat Allah atas izin dan rahmatNya saya sampai ke pangkat DSM. Saya tidak pernah menduga perjalanan saya dalam dunia perniagaan MLM **ZHULIAN** teramat istimewa bersama Pelan Pemasaran Terindah yang disediakan oleh pihak Syarikat. Bermula dengan Program *Smart Intermittent Fasting* (SiF) dan guna pakai produk, hari ini saya bergelar Usahawan **ZHULIAN** sepenuh masa. Syarikat **ZHULIAN** yang kukuh selama 31 tahun serta penghasilan produk berkualiti yang mendapat pengiktirafan tertinggi tempatan juga antarabangsa membuatkan saya yakin untuk berkerjaya bersama **ZHULIAN**. Sejujurnya kejayaan ini adalah hasil bimbingan mentor terindah RCM Faridah Bt Mat Isa. Terima kasih kerana tidak pernah jemu membimbing, mendorong, memberi semangat dan menjadi sahabat serta pendengar setia walau dalam suka mahu pun duka. Terima kasih juga buat mentor tersohor, RCD Nor Irdawani Bt Che Razali, pemilik **ZHULIAN** Agensi Setiu atas ilmu, sokongan serta kasih sayang. Tanpa ilmu dan bimbingan 2 ikon hebat ini, saya tidak mampu berada di tahap sekarang. Kepada suami dan 4 orang cahaya mata serta menantu dan cucu, terima kasih atas restu dan sokongan padu kalian. *Last but not least*, kepada jemaah rangkaian kak zhuli, terima kasih atas kepercayaan dan kasih sayang ukhwah sehingga tercipta kejayaan bersama. Percayalah... platform **ZHULIAN** adalah ruang dan peluang terbaik untuk kita melakar kejayaan. Ilmu dan tindakan. Usaha dan keyakinan. *Keep moving and trust the process.*





